

SPRM tak rekod pertemuan Najib, Raja Arab Saudi

BERITA HARIAN 23 APR 2024

Bekas Perdana Menteri tidak pernah dedah kepada pegawai penyiasat

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, kenyataan diberikan Datuk Seri Najib Razak kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menyatakan mengenai pertemuan bersama Raja Arab Saudi, Almarhum Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud, pada Januari 2010.

Bekas Perdana Menteri itu melalui pembelaannya sebelum ini dalam kes penyelewengan dana milik SRC International Sdn Bhd, mendakwa bahawa beliau percaya wang dalam akaunnya adalah derma daripada Arab Saudi berikutan pertemuannya dan delegasi Malaysia dengan

Raja Abdullah di Riyadh serta pemimpin dari Asia Barat.

Saksi ke-49 pendakwaan yang juga Penguasa Kanan SPRM, Nur Aida Arifin, berkata beliau tidak merekodkan kenyataan daripada menteri yang menghadiri pertemuan terbabit ketika itu kerana isu berkenaan tidak pernah timbul dan Najib tidak mendedahkan perkara itu apabila dipanggil SPRM untuk direkodkan kenyataan pada 2018.

“Tidak ada isu (berhubung perkara ini) kerana kenyataan kepada SPRM juga tidak menyebut mengenainya dan isu hanya timbul ketika perbicaraan SRC,” katanya.

Nur Aida juga berkata, tiada arahan daripada pihak pendakwaan untuk mendapatkan kenyataan daripada menteri berkenaan ketika itu.

Saksi itu merujuk kepada rakaman kenyataan diambil daripada Najib pada 2018 di mana bekas Perdana Menteri itu memberitahu bahawa beliau percaya wang yang dimasukkan ke dalam akaun banknya sebagai derma daripada kerabat Arab Saudi pada 2013.

Nur Aida berkata, Najib hanya

memberitahu SPRM terdapat pertemuan bagi membuktikan ia adalah derma, bagaimanapun tiada butiran bahawa delegasi dalam pertemuan itu membabitkan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; bekas Menteri Luar, Tan Sri Anifah Aman, dan bekas Duta Malaysia ke Arab Saudi, Profesor Datuk Syed Omar Syed Mohamad Al-Saggaf.

Saksi itu berkata demikian ketika disoal balas peguam Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, pada perbicaraan penyelesaian dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjumlah RM2.3 bilion.

Bebas tambah butiran

Disoal Muhammad Shafee mengapa SPRM tidak mendesak Najib untuk menjelaskan lebih lanjut mengenai pertemuan terbabit, Nur Aida berkata, Najib bebas untuk menambah apa-apa butiran yang dimahukan ketika memberikan kenyataan, namun beliau tidak berbuat demikian.

Dalam pada itu, Nur Aida berkata, SPRM memohon Bantuan Perundangan Bersama (MLA) Arab Saudi untuk mendapatkan



Najib dibawa ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Bernama)

maklumat berhubung surat derma kepada Najib, namun tidak mendapat sebarang maklum balas mahupun kerjasama daripada negara berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, beberapa pegawai kanan SPRM pergi ke Arab Saudi untuk bertemu dua putera Raja Arab yang memberikan keterangan melalui peguam mereka.

Nur Aida disoal balas mengenai surat derma daripada bekas Gabenor Wilayah Madinah, Saud Abdulaziz Majid Al-Saud, sama ada SPRM menyoal siasat siapa pemimpin negara Asia Barat terbabit.

Beliau juga ditanya apa tindakan diambil SPRM bagi memastikan surat derma berkenaan adalah tulen dan bukan satu penipuan.

Saksi itu berkata, beliau bukan salah seorang pegawai pergi ke Arab Saudi, yang terdiri daripada pegawai tinggi SPRM.

Katanya, pegawai terbabit bertemu dua putera raja yang memberi kenyataan melalui peguam mereka bahawa surat itu sememangnya daripada Al-Saud.

“Sama ada SPRM berpuas hati atau tidak dengan maklumat berkenaan, saya tidak bersetuju. Pertama, keterangan yang diambil bukan daripada Putera Al-Saud sendiri dan tiada bukti bertulis yang menunjukkan salinan asal surat dan bukti yang menunjukkan ia sememangnya daripadanya (Putera Al-Saud),” katanya.

Najib, 70, berdepan empat pertuduhan, iaitu menggunakan kedudukan beliau ketika itu untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB, dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung.